


Headline	MAC guna aplikasi sama tawar khidmat nasihat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,927
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,782




MAC guna aplikasi sama tawar khidmat nasihat

RISIKO PEMINDAHAN HIV PADA 2016



PEMINDAHAN HIV MENGIKUT UMUR PADA 2016



Kuala Lumpur: Sukarelawan Majlis Aids Malaysia (MAC) menggunakan aplikasi sosial sama diguna pakai golongan transgender, pekerja seks dan individu hubungan sejenis (MSM) untuk mengesan mereka bagi menawarkan khidmat nasihat secara percuma.

Pengarah Eksekutif MAC, Parimelazhagan Ellan, berkata ia satu kaedah paling berkesan bagi mencari golongan terbabit di berlainan lokasi berlainan serata negeri.

Katanya, ini kerana golongan terbabit dikesan beralih menggunakan aplikasi itu sejak dua tahun lalu bagi mengelak kegiatan dikesan pihak berkuasa, berbanding kaedah biasa menawarkan perkhidmatan di jalanan.

"Kami menggunakan kaedah ini kerana kumpulan fokus utama yang berisiko tinggi dijangkiti HIV/Aids berada dalam kelompok ini iaitu heteroseksual dan homoseksual.

Rundingan percuma

"Sekarang, kita ada pasukan pengurusan kes yang menggunakan aplikasi sosial untuk mengesan golongan ini untuk menawarkan perundingan secara percuma.

"Setakat ini, daripada 10 program yang dilaksanakan sepanjang tahun ini, kami sudah menguruskan 3,800 kes yang berjaya didekati, diuji positif HIV/Aids dan dibawa ke klinik untuk rawatan," katanya kepada *BH Bongkar* di sini.

Ellan berkata, perkembangan itu adalah sesuatu yang membimbangkan lebih-lebih lagi aplikasi sosial berkaitan seks luar tabii memiliki jumlah pengguna melebihi 200,000 akaun di seluruh dunia.

Sehubungan itu, katanya, sukarelawan dilatih secara profesional bagi pengurusan kes pelanggan dan aplikasi kerana ia membitkan kepercayaan antara sukarelawan dengan pelanggan.